

**KAD KREDIT-i BANK ISLAM BISNES
TERMA DAN SYARAT
Bermula Disember 2020**



1. Tinjauan Keseluruhan

Kemudahan Kad Kredit-i Bank Islam Bisnes ("Pembentangan Kad-i Bank Islam") diberikan oleh Bank Islam Malaysia Berhad (98127-X) (kemudian akan dirujuk sebagai "pihak Bank") kepada Ahli Kad-i dan penggunaan Kad Kredit-i Bank Islam Bisnes oleh Pemegang Kad Sah adalah tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini. Pelanggan dinasihati supaya membaca dan memahami Terma-terma dan Syarat-syarat ini sebelum bersetuju untuk melanggan mana-mana produk atau perkhidmatan dan/atau mengambil bahagian di dalam kempen dan promosi kami.

2. Definisi

Dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini, sekiranya sesuai dengan konteksnya, perkataan berikut hendaklah mempunyai maksud yang ditetapkan baginya.

'Saudagar Sah'	pihak yang menyediakan barang dan/atau perkhidmatan dan menerima Kad-i sebagai bentuk pembayaran.
'Tempoh Penyediaan'	jangkamasa tidak melebihi tempoh Pembentangan Kad-i Bank Islam di mana wang di dalam Akaun Marginal Kad-i disediakan untuk kegunaan oleh Ahli Kad-i.
'Penandatangan Sah'	orang yang dilantik dan diberi kuasa oleh Ahli Kad-i sebagai penandatangan sah bagi pihak syarikat/entiti.
'Pemegang Kad Sah'	orang yang dibenarkan oleh Ahli Kad-i untuk menggunakan Kad-i.
'Harga Belian Bank'	amaun yang perlu dibayar atau yang dibayar oleh Bank kepada Penjual Komoditi.
'Harga Jualan Bank'	harga jualan yang perlu dibayar oleh Ahli Kad-i kepada Bank yang merangkumi harga daripada Harga Belian Bank dan keuntungan daripada Bank di bawah Pembentangan Kad Kredit-i Bank Islam tersebut.
'Akaun Marginal Kad-'	akaun " <i>financing payable</i> " Ahli Kad-i dengan pihak Bank dimana hasil daripada jualan komoditi kepada Pembeli Komoditi akan dikreditkan dan digunakan oleh Ahli Kad-i dan/atau Pemegang Kad Sah menurut Terma-terma dan Syarat-syarat yang terkandung di dalam ini.
'Pembentangan Kad-i Bank Islam'	merujuk kepada pembentangan yang ditawarkan oleh pihak Bank kepada Ahli Kad-i untuk penggunaan Pemegang Kad Sah dan tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat di sini.

**KAD KREDIT-i BANK ISLAM BISNES
TERMA DAN SYARAT
Bermula Disember 2020**



'Kad-i'	Kad Kredit-i MasterCard atau Visa Bank Islam atau sebarang kad kredit atau kad caj-i lain yang dikeluarkan oleh Bank yang dikendalikan menurut Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
'Ahli Kad-i'	merujuk kepada pemohon yang dinamakan dalam borang permohonan Pembiayaan Kad-i Bank Islam.
'Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam'	penyata bulanan yang dikeluarkan oleh Bank kepada Ahli Kad-i yang antara lain menunjukkan 'inter alia' transaksi yang dipaparkan dalam Akaun Marginal Kad-i.
'Komoditi'	apa-apa komoditi yang diniagakan di mana-mana platform komoditi yang diluluskan oleh Bank (tidak termasuk emas dan perak) atau apa-apa komoditi atau aset dalam setiap kes dengan syarat komoditi atau aset itu boleh diterima oleh Bank.
'Pembeli Komoditi'	mana-mana pihak ketiga, selain daripada Penjual Komoditi, yang kepadanya pihak Bank boleh menjual Komoditi bagi pihak Ahli Kad-i.
"Penjual Komoditi"	mana-mana pihak ketiga yang daripadanya pihak dari mana Bank akan membeli Komoditi supaya menjualnya kepada Ahli Kad-i. Bank akan membeli komoditi untuk dijual kepada Ahli Kad-i.
'Pengesahan Transaksi'	pengesahan Transaksi yang berkaitan dengan pembelian dan penjualan Komoditi dikeluarkan atas permintaan Ahli Kad-i, oleh pihak Bank kepada Ahli Kad-i untuk mengesahkan penjualan komoditi kepada Ahli Kad-i dan Komoditi Pembeli.
'Kejadian-kejadian Kemungkiran'	apa-apa keadaan yang dinyatakan dalam Klausu 20 di dalam ini.
'Barangan dan Perkhidmatan Halal'	barangan dan perkhidmatan yang diterima dan mematuhi kehendak Syariah.
'Keberhutangan'	Harga Jualan Bank atau mana-mana bahagian yang belum dijelaskan dan semua wang lain yang termasuk tetapi tidak terhad kepada yuran, kos (termasuk kos guaman atas dasar peguam cara dan Ahli Kad-i), caj dan perbelanjaan yang matang dan perlu dibayar kepada Bank di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat terkandung didalam ini.

**KAD KREDIT-i BANK ISLAM BISNES
TERMA DAN SYARAT
Bermula Disember 2020**



'MasterCard'	MasterCard Worldwide yang ditubuhkan dan diasaskan di bawah undang-undang Negeri Delaware, Amerika Syarikat dan beribu pejabat di 2000 Purchase Street, Purchase NY 10577 di mana Bank ialah ahli utama.
'Bank Ahli'	Institusi kewangan yang merupakan ahli MasterCard Worldwide atau Visa International atau mana-mana pemilik jenama lain di mana Bank merupakan ahli.
'Bulan'	Bulan kalendar Gregory.
'Tarikh Matang Bayaran'	Tarikh yang dinyatakan dalam Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam di mana Jumlah Minimum Perlu Dibayar atau sebarang jumlah lain yang dinyatakan.
'PIN'	Nombor pengenalan peribadi Pemegang Kad Sah.
'Margin Keuntungan'	Perbezaan antara Harga Jualan Bank yang perlu dibayar dan Harga Belian Bank dan kaedah pengiktirafan margin keuntungan sebagai pendapatan pihak Bank hendaklah dibuat menurut polisi perakaunan pihak Bank yang wujud pada masa yang berkenaan.
'Hasil Jualan'	jumlah yang perlu dibayar kepada Ahli Kad-i bagi jualan komoditi kepada mana-mana pihak ketiga oleh pihak Bank sebagai ejen bagi Ahli Kad-i yang mana jumlah tersebut juga mewakili Had Pembiayaan Kad-i Bank Islam.
'Ejen Belian'	Bank bertindak sebagai ejen belian bagi pihak Ahli Kad-i.
'Harga Belian Bank'	amaun yang perlu dibayar atau dibayar oleh pihak Bank kepada Penjual Komoditi.
'Ringgit Malaysia'	mata wang sah Malaysia dan diguna pakai bagi semua pembayaran yang perlu dibuat di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
'Ejen Jualan'	Bank bertindak sebagai ejen jualan bagi pihak Ahli Kad.
'Tawarruq'	Tawarruq melibatkan dua Kontrak Jual dan Beli. Kontrak pertama melibatkan Penjualan Aset oleh Penjual kepada Pembeli secara tangguh. Seterusnya, Pembeli bagi urus niaga Penjualan yang pertama akan menjual asset yang sama kepada Pihak Ketiga secara tunai dan lani.

**KAD KREDIT-i BANK ISLAM BISNES
TERMA DAN SYARAT
Bermula Disember 2020**



'Visa'	Visa International Service Association, sebuah syarikat yang ditubuhkan di Negeri Delaware, beribu pejabat di 900 Metro Centre Boulevard, Foster City, State of California, 94404 United States of America di mana Bank adalah ahli utama.
'Visa Paywave'	Pembayaran tanpa sentuh untuk pembelian runcit dengan aplikasi Paywave. Hanya untuk kad terpilih dengan logo tanpa sentuh sahaja.

3. Tafsiran

- (a) Perkataan dan pernyataan yang merujuk kepada satu hendaklah termasuk lebih dari satu dan sebaliknya dan perkataan dan pernyataan yang merujuk kepada jantina lelaki sahaja hendaklah termasuk jantina perempuan atau jantina neutral.
- (b) Rujukan kepada klausa dan jadual hendaklah merujuk kepada Klausa dan Jadual kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini, melainkan dinyatakan sebaliknya secara tersurat.
- (c) Tajuk dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini disertakan untuk kesenangan pembaca sahaja dan hendaklah diabaikan apabila mentafsirkan peruntukan Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

4. Mekanisma Pembiayaan Kad-i Bank Islam

Pembiayaan Kad-i Bank Islam yang ditawarkan oleh pihak Bank adalah berdasarkan konsep Syariah iaitu Tawarruq. Ahli Kad-i akan mendapat jumlah pembiayaan melalui cara-cara berikut:-

- (a) **Pembelian Komoditi oleh Ahli Kad-i daripada Bank**
Selaras dengan pelantikan Bank sebagai Ejen Belian, di mana Ahli Kad-i telah melantik pihak Bank sebagai ejen untuk membeli Komoditi daripada pihak Bank dengan Harga Jualan Bank yang telah dipersetujui, pihak Bank hendaklah membuat suatu transaksi Murabahah dengan Ahli Kad-i di mana Ahli Kad-i akan membayar Harga Jualan Bank secara pembayaran tertangguh.
- (b) **Jualan Komoditi oleh Ahli Kad-i melalui Bank sebagai Ejen**
Selaras dengan perlantikan Bank sebagai Ejen Jualan, di mana Ahli Kad-i telah melantik pihak Bank sebagai ejen untuk menjual Komoditi itu bagi tujuan merealisasikan Hasil Jualan tersebut, pihak Bank akan menjual Komoditi tersebut kepada Pembeli Komoditi dengan bayaran secara serta merta. Hasil Jualan yang diperolehi yang mana hendaklah bersamaan dengan jumlah Pembiayaan Kad-i Bank Islam yang akan dikreditkan ke dalam Akaun Marginal Kad-i.
- (c) **Pengesahan Transaksi**
Setelah selesai aktiviti penjualan Komoditi kepada Pembeli Komoditi, pihak Bank akan mengeluarkan Pengesahan Transaksi diatas permintaan Ahli Kad-i.
- (d) **Pengambilalihan Komoditi**
Ahli Kad-i mempunyai pilihan untuk mengambil Komoditi secara fizikal dan Ahli Kad-i hendaklah menanggung semua kos dan perbelanjaan berhubung dengannya.

**KAD KREDIT-i BANK ISLAM BISNES
TERMA DAN SYARAT
Bermula Disember 2020**



(e) ***Ibra' (Rebat)***

Pihak Bank berhak untuk memberikan *Ibra'* (rebat) ke atas sebahagian atau keseluruhan baki keuntungan daripada Harga Jualan Bank kepada Ahli Kad-i hanya selepas penyelesaian penuh dan pembatalan Pembiayaan Kad-i Bank Islam.

5. Agensi

(a) **Skop Agensi**

- (i) Pelantikan Bank sebagai Ejen Belian dan Ejen Jualan oleh Ahli Kad-i hendaklah tidak bersyarat dan tidak boleh ditarik balik. Pihak Bank, sebagai ejen Ahli Kad-i, hendaklah bertindak bagi pihak Ahli Kad-i bagi menyempurnakan pembelian Komoditi daripada pihak Bank dan untuk bertindak bagi pihak Ahli Kad-i bagi menyempurnakan jualan Komoditi Ahli Kad-i kepada Pembeli Komoditi.
- (ii) Perlantikan agensi hendaklah berkuatkuasa daripada tarikh perlantikan dan hendaklah terpakai dan memadai untuk sebarang pembaharuan atau perubahan pada had kemudahan Pembiayaan Kad-i Bank Islam.
- (iii) Pihak Bank dengan ini diberi kuasa untuk menyempurnakan dan menyampaikan apa-apa dokumen atau instrumen yang dianggap perlu oleh pihak Bank untuk melaksanakan tanggungjawabnya berhubung dengan perkara-perkara yang dinyatakan dalam Klausus 4 didalam ini.
- (iv) Bank hendaklah menggunakan usaha yang munasabah untuk memastikan bahawa Hasil Jualan Komoditi tersebut hendaklah tidak kurang daripada Harga Belian Bank.
- (v) Tanpa prejudis kepada keluasan Klausus 5 didalam ini, Ahli Kad-i bersetuju bahawa di bawah pengaturan pihak Bank dengan Pembeli Komoditi atau mana-mana pembekal atau rakan niaga pihak ketiga, pihak Bank boleh (dan Ahli Kad-i bersetuju bahawa pihak Bank boleh) mendedahkan bahawa ia bertindak sebagai ejen Ahli Kad-i dan menamakan Ahli Kad-i sebagai prinsipalnya.
- (vi) Ahli Kad-i mengaku janji untuk membuka dan mengekalkan akaun atau pelbagai akaun dengan Bank dimana pihak Bank diberi kuasa untuk mengendalikannya bagi pihak Ahli Kad-i (jika berkenaan).
- (vii) Pihak Bank mengakui dan mengesahkan bahawa semua Hasil Jualan kepada Ahli Kad-i berkenaan dengan penjualan Komoditi seperti dimaksudkan dalam Klausus 5 akan dikreditkan ke dalam Akaun Marginal Kad-i dan Ahli Kad-i hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

(b) **Had Skop Agensi**

- (i) Berkaitan dengan kuasa, budi bicara, autoriti dan obligasi di bawah Terma dan Syarat ini, pihak Bank hendaklah bertindak hanya sebagai ejen kepada Ahli Kad-i secara terhad (iaitu sebagai ejen berdasarkan urusjanji) setakat yang diperuntukkan dengan nyata di dalam ini sahaja, dan hendaklah tidak dianggap sebagai ejen untuk dan bagi pihak Ahli Kad-i dalam apa juu perkara lain.

**KAD KREDIT-i BANK ISLAM BISNES
TERMA DAN SYARAT
Bermula Disember 2020**



-
- (ii) Pelantikan Bank sebagai Ejen Pembelian hendaklah berkuat kuasa dari tarikh pelantikan Bank sebagai Ejen Pembelian dan hendaklah terpakai dan mencukupi untuk apa-apa pembaharuan atau pengubahan kepada had Pembiayaan Kad-i Bank Islam.
 - (iii) Pelantikan Bank sebagai Ejen Jualan hendaklah berkuat kuasa dari tarikh pelantikan Bank sebagai Ejen Jualan dan hendaklah terpakai dan mencukupi untuk apa-apa pembaharuan atau pengubahan kepada had Pembiayaan Kad-i Bank Islam.
- (c) **Yuran Brokeraj dan Perbelanjaan**
Setiap perbelanjaan, yuran dan komisen yang tidak dapat ditentukan nilai dan tidak diinvois kepada Bank oleh Pembeli Komoditi pada masa Ahli Kad-i bertanggung jawab untuk membayar Harga Jualan Bank mengikut Terma-terma dan Syarat-syarat ini, maka perbelanjaan, yuran dan komisen yang menjadi terhutang dan perlu dibayar oleh Ahli Kad-i hendaklah dijelaskan kepada pihak Bank sebaik sahaja penerimaan invois yang berkaitan daripada Pembeli Komoditi, dan kemudian pihak Bank menyediakan invois yang berkenaan kepada Ahli Kad-i.
- 6. Bayaran Harga Jualan**
- (a) Harga Jualan atau sebahagian daripadanya yang masih belum dibayar hendaklah dibayar oleh Ahli Kad-i menurut Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam yang dikeluarkan oleh Bank pada Tarikh Matang Bayaran atau dalam sebarang jumlah lain yang dinyatakan dalam Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam. Jumlah yang dinyatakan dalam Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam yang matang dan perlu dibayar oleh Ahli Kad-i hendaklah, sekiranya tiada kesilapan ketara, menjadi bukti muktamad bahawa jumlah tersebut adalah matang dan perlu dibayar oleh Ahli Kad-i kepada Bank. Semua bayaran yang dibuat oleh Ahli Kad-i menurut setiap Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam hendaklah dianggap sebagai bayaran untuk menjelaskan Harga Jualan atau bahagian yang belum dibayar di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
 - (b) Walau apa pun peruntukan Klausus 6 (a) di atas, selepas menerima Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam, Ahli Kad-i hendaklah membayar Jumlah Minimum Perlu Dibayar kepada Bank atau sehingga jumlah yang masih terhutang pada atau sebelum Tarikh Matang Bayaran seperti yang dinyatakan pada Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam.
 - (c) Semua bayaran kepada pihak Bank hendaklah dibuat dalam mata wang yang sama di dalam Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam. Bayaran oleh Ahli Kad-i tidak akan dianggap sudah dibuat sehingga bayaran tersebut telah diterima nilainya oleh pihak Bank. Semua bayaran menerusi cek luar negeri hendaklah disertakan dengan Komisen Tukaran Dalam Negeri, di mana berkenaan. Kegagalan memasukkan komisen tersebut membolehkan pihak Bank mendebit akaun Ahli Kad-i untuk jumlah tersebut.
 - (d) Sekiranya Kad-i dikendalikan sebagai kad caj dan bayaran jumlah penuh baki semasa diperlukan untuk dibayar setiap bulan, maka Jumlah Minimum Perlu Dibayar adalah jumlah baki semasa belum jelas yang dinyatakan dalam Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam.

**KAD KREDIT-i BANK ISLAM BISNES
TERMA DAN SYARAT
Bermula Disember 2020**



- (e) Walau apa pun yang terkandung dalam mana-mana peruntukan di sini, pihak Bank berhak untuk menggunakan semua atau sebarang bayaran tersebut dengan apa-apa cara lain bagi menyelesaikan baki amaun yang belum dibayar di bawah Pembiayaan Kad-i Bank Islam.

7. Penerimaan Pembiayaan Kad-i Bank Islam

- (a) Sebagai balasan Bank memberikan Pembiayaan Kad-i Bank Islam kepada Ahli Kad-i dan pengeluaran Kad-i kepada Pemegang Kad Sah, Penandatangan Sah bersetuju untuk mematuhi Terma-terma dan Syarat-syarat yang terkandung di dalam ini dan apa-apa terma-terma dan syarat-syarat yang lain yang mana pihak Bank boleh mengenakkannya dari semasa ke semasa.
- (b) Penggunaan Kad-i adalah terhad kepada Pemegang Kad Sah seperti yang dinamakan oleh Ahli Kad-i untuk digunakan di mana-mana Saudagar Sah yang dibenarkan menerima MasterCard atau Visa atau mana-mana pemilik jenama lain di mana pihak Bank merupakan ahli sebagai kaedah pembayaran. Pemegang Kad Sah hendaklah menandatangani di belakang Kad-i serta merta selepas menerima Kad-i.
- (c) Ahli Kad-i hendaklah memastikan Pemegang Kad Sah tidak memberarkan atau memberi kuasa kepada mana-mana pihak ketiga untuk menggunakan Kad-i dan tidak boleh memindahkan atau melepaskan kawalan atau pemilikan Kad-i atau menggunakannya untuk tujuan yang tidak dibenarkan oleh pihak Bank.
- (d) Sekiranya Ahli Kad-i dan/atau Pemegang Kad Sah tidak mahu terikat dengan Terma-terma dan Syarat-syarat ini, Ahli Kad-i dan/atau Pemegang Kad Sah hendaklah memusnahkan Kad-i dengan cara memotong jalur magnetik dan cip dan memulangkannya serta-merta kepada pihak Bank dengan notis bertulis bahawa beliau memulangkan Kad-i untuk dibatalkan dan selepas itu menjelaskan Harga Jualan atau mana-mana bahagian daripadanya yang belum dibayar di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini bersama jumlah yang masih terhutang di dalam Akaun Marginal Kad-i.

8. Penggunaan Kad-i

- (a) Setelah Pemegang Kad Sah menandatangani, menggunakan atau menerima Kad-i, Pemegang Kad Sah bersetuju dengan Terma-terma dan Syarat-syarat yang dinyatakan menurut dokumen ini. Ahli Kad-i dan/atau Pemegang Kad Sah hendaklah memastikan tandatangan Pemegang Kad Sah pada Kad-i adalah sama dengan tandatangan pada borang penamaan.
- (b) Ahli Kad-i bertanggungjawab kepada pihak Bank bagi semua transaksi yang dilaksanakan oleh Pemegang Kad Sah dengan menggunakan Kad-i dan semua fi berkaitan yang dibilkan oleh Bank.
- (c) Untuk melaksanakan pembelian kredit dari mana-mana Saudagar Sah, Ahli Kad-i mesti menandatangani Draf Jualan yang disediakan oleh Saudagar Sah atau memasukkan PIN di terminal jualan Saudagar Sah.

**KAD KREDIT-i BANK ISLAM BISNES
TERMA DAN SYARAT
Bermula Disember 2020**



- (d) Walau apa pun peruntukan yang ditetapkan dalam Klausus 8a diatas, Ahli Kad-i dengan ini memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk membeli draf jualannya yang tidak ditandatangani dan mendebit Akaun Marginal Kad-i untuk bayaran yang dibuat oleh pihak Bank kepada Saudagar Sah atau Bank Ahli jika pihak Bank berpendapat bahawa berasaskan bukti dokumen yang berkaitan, bahawa ketiadaan tandatangan tersebut disebabkan oleh jenis transaksi, isu teknikal atau disebabkan kesilapan di pihak Ahli Kad-i/atau Saudagar dan/ atau Bank Ahli.
- (e) Pihak Bank berhak untuk menganggap rekod sebarang transaksi yang dilaksanakan menerusi penggunaan Kad-i, termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi yang dilaksanakan menerusi perdagangan elektronik, pesanan pos, menerusi telefon atau terminal tempat jualan khusus termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi di stesen petrol dan/atau menerusi sebarang kaedah lain yang diperkenalkan/diguna pakai dari masa ke semasa sebagai bukti hutang yang di tanggung oleh Ahli Kad-i yang perlu di debit ke dalam Akaun Marginal Kad-i walaupun rekod sedemikian tidak mengandungi tandatangan Pemegang Kad Sah.
- (f) Semua Pemegang Kad Sah yang beragama Islam dinasihatkan untuk mematuhi peraturan dan prinsip Syariah semasa menggunakan Kad-i. Kad ini tidak boleh digunakan di rakan dagang yang dikategorikan sebagai tidak halal berdasarkan "Merchant Category Code" (MCC) seperti berikut:-

MCC	Kategori Transaksi
5921	Kedai Pakej, Bir, Wain, Arak
5973	Kedai Barang Keagamaan
7261	Perkhidmatan Upacara Kematian dan Pembakaran
7273	Temu Janji, Perkhidmatan Pengiring
7297	Pusat Urut
7995	Perjudian (termasuk tiket loteri, token dan permainan kasino , perjudian terpesong, taruhan dan permainan perjudian dalam talian)
9754	Perjudian – Lumba Kuda, Lumba Anjing, Loteri dibenarkan oleh Negeri/Negara

- (g) Jika Pemegang Kad Sah menggunakan Kad-i untuk membeli barang dan/atau perkhidmatan menerusi laman atau portal internet, Pemegang Kad Sah dan/atau Ahli Kad-i hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan penggunaan sedemikian pada setiap masa. Pemegang Kad Sah dan/atau Ahli Kad-i bersetuju bahawa catatan maklumat Kad-i pada internet hendaklah menjadi bukti mencukupi tentang kesahihan arahan sedemikian. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa tindakan yang diambil atau penggunaan Kad-i tanpa mengira sama ada pihak tersebut diberi atau tidak diberi kebenaran dan tanpa mengira keadaan yang wujud pada masa transaksi dilakukan. Walau bagaimanapun, pihak Bank berhak menggunakan budi bicaranya untuk tidak menyempurnakan transaksi sedemikian menerusi internet sekiranya pihak Bank mempunyai sebab untuk meragui kesahihannya atau berpendapat transaksi tersebut tidak sah di sisi undang-undang atau tidak wajar

**KAD KREDIT-i BANK ISLAM BISNES
TERMA DAN SYARAT
Bermula Disember 2020**



untuk disempurnakan atas sebab-sebab lain.

- (h) Apabila Ahli Kad-i mempunyai dua atau lebih Kad-i untuk penggunaan Pemegang Kad Sah, jumlah Pembiayaan Kad-i Bank Islam tergabung akan diberikan oleh pihak Bank kepada Akaun Marginal Kad-i yang mewakili jumlah keseluruhan Pembiayaan Kad-i Bank Islam yang diberikan untuk meliputi penggunaan semua Kad-i yang dipegang oleh Pemegang Kad Sah (jika ada).
- (i) Bank tidak akan menanggung liabiliti bagi sebarang tindakan atau tinggalan oleh pihak Saudagar Sah termasuk keengganan Saudagar Sah untuk menerima Kad-i atau sebarang kerosakan atau kekurangan dalam mana-mana barang atau perkhidmatan yang disediakan oleh Saudagar Sah.
- (j) Ahli Kad-i dan/atau Pemegang Kad Sah hendaklah menyelesaikan semua aduan, tuntutan dan pertikaian dengan Saudagar Sah secara terus dan bukan menerusi pihak Bank. Ahli Kad-i dan/atau Pemegang Kad Sah berjanji untuk tidak membabitkan pihak Bank dalam sebarang tuntutan dan/atau pertikaian atau tindakan undang-undang terhadap Saudagar Sah.
- (k) Sebarang tuntutan/pertikaian yang mungkin melibatkan Ahli Kad-i dan/atau Pemegang Kad Sah dan Saudagar Sah tidak akan melepaskan Ahli Kad-i daripada obligasi untuk membayar pihak Bank jumlah yang timbul daripada penggunaan Kad-i oleh Ahli Kad-i seperti yang dinyatakan dalam Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam.
- (l) Ahli Kad-i tidak dibenarkan menggunakan Pembiayaan Kad-i Bank Islam selepas tamat Tempoh Penyediaan melainkan transaksi Tawarruq baru dimeterai di antara pihak Bank dan Ahli Kad-i.
- (m) Tertakluk kepada Terma dan Syarat Pembiayaan Kad-i Bank Islam, Ahli Kad-i dan/atau Pemegang Kad Sah boleh menggunakan wang yang disimpan dalam Akaun Marginal Kad-i dari semasa ke semasa tertakluk kepada jumlah Pembiayaan Kad-i Bank Islam.
- (n) Caj pra-kebenaran sebanyak RM200 akan dipegang sementara dari Akaun Marginal Kad-i apabila Pemegang Kad Sah menggunakan Kad-i untuk transaksi petrol di pam layan diri (pengisian petrol secara automatik). Amaun transaksi sebenar akan dicajkan ke Akaun Marginal Kad-i dan pihak Bank akan memulangkan semula lebihan amaun caj pra-kebenaran (jika ada) ke dalam akaun yang sama dalam masa tiga (3) hari bekerja dari tarikh transaksi. Walau bagaimanapun, caj pra-kebenaran ini tidak diguna pakai apabila Pemegang Kad Sah membuat pembayaran menggunakan Kad-i di kaunter.
- (o) Setiap Pemegang Kad Sah akan diberikan nombor PIN untuk menggunakan Kad-i. Pemegang Kad Sah tidak boleh melakukan, membenarkan atau mengabaikan apa-apa yang boleh secara langsung atau tidak langsung mendedahkan, menyebarkan dan/atau memberikan nombor PIN kepada mana-mana pihak ketiga atau orang yang tidak dibenarkan.
- (p) Pemegang Kad Sah tidak digalakkan menulis nombor PIN atau menyimpannya secara berdekatan yang membolehkan ianya mudah diambil/curi/hilang dengan Kad-i.
- (q) Pemegang Kad Sah tidak digalakkan menggunakan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon sebagai nombor PIN.

**KAD KREDIT-i BANK ISLAM BISNES
TERMA DAN SYARAT
Bermula Disember 2020**



- (r) Ahli Kad-i dan/atau Pemegang Kad Sah bersetuju mematuhi Terma-terma dan Syarat-syarat penggunaan Kad-i tersebut.
- (s) Bagi perkongsian, semua rakan kongsi hendaklah bertanggungjawap secara bersama dan berasingan terhadap semua liabiliti yang dikenakan kepada atau terhadap Ahli Kad-i, seperti firma.
- (t) Pemegang Kad Sah boleh menggunakan Kad-i sehingga had kad yang diperuntukan seperti yang ditetapkan oleh Ahli Kad-i.

9. Transaksi Luar Negara

- (a) Pemegang Kad Sah boleh menggunakan Kad-i di luar Malaysia dengan Saudagar Sah tetapi Ahli Kad-i dan/atau Pemegang Kad Sah hendaklah memaklumkan kepada pihak Bank setiap kali Pemegang Kad Sah membuat perjalanan atau berhasrat untuk membuat perjalanan ke luar negara.
- (b) Apabila Pemegang Kad Sah menggunakan Kad-i di luar Malaysia, transaksi hendaklah dicaj dalam mata wang rasmi negara berkenaan dan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) pada kadar tukaran dan pada masa transaksi dilakukan yang akan ditetapkan oleh MasterCard Worldwide atau Visa International atau mana-mana pemilik jenama di mana Bank merupakan ahli, atas budi bicara mutlaknya.
- (c) Jika berkenaan, Ahli Kad-i dan/atau Pemegang Kad Sah hendaklah memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mengambil langkah untuk mematuhi Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing (Foreign Exchange Administration Rules) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia bagi sebarang transaksi luar negara.

10. Pembayaran tanpa Sentuh

Kad-i yang dikeluarkan oleh pihak Bank adalah dengan ciri tanpa sentuh yang mana berfungsi di kesemua Saudagar Sah yang mengambil bahagian untuk transaksi runcit maksima RM250 bagi setiap transaksi atau RM2,000 sehari dan tidak memerlukan tandatangan Pemegang Kad Sah. Walaubagaimanapun, bagi transaksi melebihi RM250, tandatangan/PIN Pemegang Kad Sah adalah diperlukan.

11. Akaun Marginal Kad-i

- (a) Pihak Bank akan menyelenggara Akaun Marginal Kad-i bagi pihak Ahli Kad-i dan/atau Pemegang Kad Sah untuk setiap Kad-i yang dipegang dan semua transaksi yang dilaksanakan menggunakan Kad-i dan sebarang yuran yang didebitkan ke dalam Akaun Marginal Kad-i.
- (b) Sekiranya Pembiayaan Kad-i Bank Islam dibatalkan/ditamatkan, Akaun Marginal Kad-i akan ditutup dan baki kredit selepas potongan apa-apa baki, wang, yuran dan semua caj yang tertunggak di bawah Pembiayaan Kad-i Bank Islam akan dibayar kepada Ahli Kad-i.

12. Pemilikan Kad-i

Kad-i yang dikeluarkan adalah tetap menjadi milik pihak Bank pada setiap masa dan Ahli Kad-i dan/atau Pemegang Kad Sah hendaklah memulangkannya kepada pihak Bank, setelah memotong jalur magnetik dan cip, apabila diminta untuk berbuat demikian atau jika penggunaan Kad-i oleh Pemegang Kad Sah dibatalkan atau digantung.

**KAD KREDIT-i BANK ISLAM BISNES
TERMA DAN SYARAT
Bermula Disember 2020**



13. Kad-i Hilang/Dicuri dan Pendedahan PIN

- (a) Ahli Kad-i dan/atau Pemegang Kad Sah hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya untuk mencegah kehilangan, kecurian, pendedahan PIN kepada mana-mana pihak yang tidak dibenarkan atau penggunaan Kad-i secara tidak sah. Sebarang kehilangan, kecurian, pendedahan PIN kepada mana-mana pihak yang tidak dibenarkan atau penggunaan Kad-i secara tidak sah hendaklah dilaporkan oleh Ahli Kad-i dan/atau Pemegang Kad Sah serta-merta kepada Pusat Panggilan Bank Islam di 03-26 900 900. Ahli Kad-i dan/atau Pemegang Kad Sah hendaklah memberitahu pihak Bank jika menerima amaran transaksi bagi transaksi penggunaan Kad-i secara tidak sah.
- (b) Ahli Kad-i akan bertanggungjawab ke atas semua caj dan apa saja pendahuluan yang timbul daripada urus niaga, sama ada dibenarkan atau tidak dibenarkan, dilaksanakan dengan Kad-i sebelum laporan itu diserahsimpan dalam bentuk yang ditetapkan mengenai kehilangan, kecurian, pendedahan PIN kepada orang yang tidak diberi kuasa atau yang tidak dibenarkan menggunakan Kad-i telah diterima oleh Bank. Rekod Bank tentang apa-apa transaksi penggunaan Kad-i adalah terikat kepada Ahli Kad-i.
- (c) Apabila Kad-i yang hilang atau dicuri ditemui, Pemegang Kad Sah tidak boleh menggunakan Kad-i yang ditemui dan hendaklah memulangkannya kepada Bank serta-merta, setelah memotong jalur magnetik dan cip selepas Kad-i ditemui. Pihak Bank tidak wajib untuk mengeluarkan kad gantian kepada Pemegang Kad Sah selepas Kad-i hilang atau dicuri.
- (d) Ahli Kad-i dan/atau Pemegang Kad Sah bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran yang berlaku pada transaksi dengan Kad-i yang memerlukan pengesahan PIN atau tandatangan atau penggunaan kad tanpa sentuh, jika Ahli Kad-i dan/atau Pemegang Kad Sah didapati:-
 - (i) bertindak melakukan penipuan;
 - (ii) lewat memaklumkan pihak Bank sebaik sahaja selepas mendapati kehilangan Kad-i atau adanya penggunaan Kad-i tanpa kebenaran;
 - (iii) mendedahkan PIN kepada orang lain secara sukarela;
 - (iv) menulis/merekodkan PIN Kad-i atau apa-apa sahaja yang disimpan berdekatan dengan Kad-i dan boleh hilang atau dicuri dengan Kad-i;
 - (v) meninggalkan Kad-i atau apa-apa yang mengandungi Kad-i dalam keadaan tanpa pengawasan di tempat-tempat yang boleh dilihat atau boleh diakses oleh orang lain melainkan di rumah kediaman Pemegang Kad Sah. Walau bagaimanapun, Pemegang Kad Sah perlu berhati-hati dalam melindungi Kad-i tersebut walaupun di rumah kediaman mereka;
 - (vi) membenarkan orang lain menggunakan Kad-i secara sukarela.

14. Penggantungan, Pembatalan, atau Penamatian

- (a) Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjelaskan mana-mana peruntukan Terma-terma dan Syarat-syarat ini, pihak Bank boleh menamatkan Pembiayaan Kad-i Bank Islam ini menerusi notis bertulis kepada Ahli Kad-i tanpa memberikan sebarang sebab untuk penamatian, dengan syarat pihak Bank mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa Ahli Kad-i dan/atau Pemegang Kad Sah telah menyalahgunakan Kad-i untuk sebarang aktiviti yang tidak dibenarkan undang-undang atau telah melanggar mana-mana terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan di sini. Selepas ditamatkan penggunaannya, pihak Bank akan membatalkan Kad-i serta-merta tanpa perlu memastikan sama ada Kad-i tersebut dipulangkan kepada pihak Bank atau tidak.

**KAD KREDIT-i BANK ISLAM BISNES
TERMA DAN SYARAT
Bermula Disember 2020**



-
- (b) Ahli Kad-i boleh membatalkan dan/atau menamatkan Pembiayaan Kad-i Bank Islam dengan memotong jalur magnetik dan cip dan memulangkan serta merta kepada pihak Bank dengan notis bertulis untuk memberi kesan kepada pembatalan dan/atau penamatan tersebut. Selepas itu, Ahli Kad-i hendaklah membayar penuh Harga Jualan Bank atau mana-mana bahagian daripadanya yang masih berbaki dan perlu dibayar di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini bersama dengan apa-apa jumlah terhutang di bawah Pembiayaan Kad-i Bank Islam.
 - (c) Ahli Kad-i dengan ini mengakui bahawa mana-mana Kad-i yang dibatalkan atau ditarik balik oleh pihak Bank akan diletakkan dalam "Senarai Pembatalan" yang akan diedarkan kepada semua Saudagar Sah dan/atau semua cawangan Bank.
 - (d) Selepas penamatan Pembiayaan Kad-i Bank Islam, Ahli Kad-i hendaklah terus menanggung liabiliti bagi sebarang transaksi (sah atau tidak sah) yang dilaksanakan menerusi penggunaan Kad-i sehingga tarikh Kad-i dipulangkan kepada pihak Bank oleh Ahli Kad-i.
 - (e) Walau apa pun Tarikh Matang Bayaran yang dinyatakan dalam Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam, seluruh jumlah yang masih berbaki di dalam Akaun Marginal Kad-i adalah muktamad, menjadi matang dan perlu dibayar apabila berlakunya perkara di atas seperti yang dinyatakan di dalam Klaus 14 (Penggantungan, Pembatalan atau Penamatan) (a), (b), (c) and (d) didalam ini.
 - (f) Tertakluk kepada mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat yang dinyatakan disini dan/atau melainkan terhadap jumlah yang terhutang dan perlu dibayar timbul daripada penamatan oleh pihak Bank disebabkan kemungkiran terdahulu oleh Ahli Kad-i dan/atau berlakunya mana-mana keadaan yang dinyatakan di dalam Klaus 20 (Kejadian-kejadian Kemungkiran), mana-mana obligasi oleh pihak Bank dan/atau Ahli Kad-i hendaklah tamat dan tidak memberi sebarang kesan selainnya.
 - (g) Mana-mana wang kemudiannya termasuk kesemua keuntungan dan caj lain yang di debit ke dalam Akaun Marginal Kad-i selepas penamatan penggunaan Kad-i hendaklah menjadi terhutang dan perlu dibayar serta merta apabila dimasukkan ke dalam Akaun Marginal Kad-i.
 - (h) Melainkan jika dinyatakan sebaliknya oleh Bank, pembatalan dan/atau penggantungan mana-mana Kad-i yang dikeluarkan kepada Pemegang Kad Sah tidak akan menjelaskan dan/atau membatalkan dan/atau menggantung penggunaan Kad-i yang lain dan/atau menamatkan Pembiayaan Kad-i Bank Islam. Walau apa pun, penamatan Pembiayaan Kad-i Bank Islam akan, dengan atau tanpa notis kepada Pemegang Kad Sah, membatalkan penggunaan semua Kad yang dikeluarkan kepada Pemegang Kad Sah.

15. Yuran dan Caj

- (a) Ahli Kad-i bersetuju untuk membayar dan membenarkan Bank untuk mendebit wang tersedia yang ada dalam Akaun Marginal Kad-i untuk yuran dan caj yang dikenakan (jika berkenaan). Senarai yuran dan caj yang dikenakan boleh dirujuk di laman sesawang www.bankislam.com.my.
- (b) Ahli Kad-i bersetuju untuk membayar yuran guaman (sama ada sebagai peguamcara atau anakguam) dan segala kos dan perbelanjaan lain yang ditanggung oleh pihak Bank dalam menguatkuasakan mana-mana hak dan kelayakan di bawah Terma-terma

**KAD KREDIT-i BANK ISLAM BISNES
TERMA DAN SYARAT
Bermula Disember 2020**



dan Syarat-syarat ini dan pemulihan wang yang terhutang dan perlu dibayar oleh Ahli Kad-i kepada pihak Bank.

- (c) Ahli Kad-i bersetuju untuk membayar sebarang yuran dan caj munasabah lain yang dikenakan oleh pihak Bank bagi perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan kepada Ahli Kad-i.
- (d) Walau apa pun peruntukan di atas dan tertakluk kepada kelulusan daripada Bank Negara Malaysia dan prinsip serta undang-undang Syariah, pihak Bank atas budi bicara penuh boleh mengubah kadar yuran dan caj tersebut dengan mengeluarkan notis kepada Ahli Kad-i melalui apa-apa cara mana yang sesuai dan ditentukan oleh pihak Bank, termasuk tetapi tidak terhad untuk memaparkan notis tersebut di laman sesawang pihak Bank.

16. Cukai

- (a) Sekiranya perkhidmatan yang diberikan di bawah Terma dan Syarat ini adalah perkhidmatan yang dikenakan cukai di mana cukai atau cukai perkhidmatan akan terpakai, Bank Islam berhak untuk mengenakan cukai atau cukai perkhidmatan pada kadar semasa (seperti yang dikehendaki oleh undang-undang yang terpakai pada masa yang material) dan pelanggan akan membayar jumlah cukai tersebut.
- (b) Untuk mengelakkan keraguan, cukai (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan), perbelanjaan yang dikeluarkan dari poket dan apa-apa yuran, perbelanjaan atau cara lain yang berkaitan dengan Pembiayaan Kad-i Bank Islam akan ditanggung oleh Ahli Kad-i.

17. Pengeluaran Peringatan

- (a) Pihak Bank berhak untuk mengeluarkan peringatan kepada Ahli Kad-i sama ada melalui notis bertulis atau melalui kaedah elektronik (jika disokong oleh pengendali telefon kad) berkenaan dengan Jumlah Minimum Perlu Dibayar dan Tarikh Matang Bayaran setiap bulan tidak kira sama ada diminta oleh Ahli Kad-i atau tidak dan tertakluk kepada terma-terma dan caj berkaitan pengendali telefon.
- (b) Ahli Kad-i mengetahui sepenuhnya bahawa apa-apa pengeluaran pengingatan kepada Ahli Kad-i mungkin terlewat, terhenti, dan/atau ditarik balik disebabkan oleh kesilapan teknikal dan/atau faktor yang menjelaskan perkhidmatan berkenaan, pengendali telefon dan entiti berkaitan yang lain.
- (c) Ahli Kad-i bersetuju bahawa Pihak Bank tidak menjamin penghantaran atau ketepatan kandungan setiap peringatan dan tidak bertanggungjawab terhadap kerugian dan kerosakan yang timbul daripada:-
 - (i) Kegagalan, kelewatan atau kesilapan penghantaran setiap peringatan;
 - (ii) kandungan setiap peringatan yang tidak tepat; atau
 - (iii) penggunaan atau kebergantungan Ahli Kad-i kepada kandungan mana-mana peringatan untuk sebarang tujuan.
- (d) Maklumat berkaitan mana-mana peringatan mungkin terlewat dan/atau tertunda. Ciri-ciri mana-mana peringatan boleh ditukar atau ditamatkan oleh pihak Bank pada bila-bila masa dengan notis.

**KAD KREDIT-i BANK ISLAM BISNES
TERMA DAN SYARAT
Bermula Disember 2020**



18. Pemantauan dan Rakaman Telefon

Ahli Kad-i membenarkan pihak Bank untuk menghubungi Penandatangan Sah menerusi telefon dalam hal berkaitan dengan Pembiayaan Kad-i Bank Islam. Ahli Kad-i bersetuju bahawa panggilan sedemikian daripada pihak Bank mungkin dibuat tanpa diminta. Dari masa ke semasa, pihak Bank boleh memantau dan/atau merakamkan panggilan telefon antara Penandatangan Sah dan pihak Bank. Ahli Kad-i bersetuju selanjutnya bahawa pemantauan dan/atau rakaman boleh dilakukan dan tiada notis tambahan kepada Ahli Kad-i dan/atau Penandatangan Sah atau kelulusan tambahan daripada Ahli Kad-i dan/atau Penandatangan Sah diperlukan.

19. Representasi dan Jaminan daripada Ahli Kad-i

Ahli Kad-i memberi representasi dan jaminan kepada Bank seperti berikut:-

- (a) bahawa Terma-terma dan Syarat-syarat ini adalah sah di sisi undang-undang dan mengikat terhadap obligasi Ahli Kad-i yang boleh dikuatkuasakan di bawah syaratnya sendiri dan obligasi Ahli Kad-i di dalamnya tidak menyalahi sebarang undang-undang atau peraturan yang mengikat terhadap Ahli Kad-i;
- (b) bahawa tidak terdapat perintah mana-mana mahkamah atau agensi kerajaan atau peruntukan dalam sebarang perjanjian sedia ada yang mengikat ke atas Ahli Kad-i atau yang membabitkannya yang akan bertentangan atau dilanggar dengan menandatangi dan melaksanakan Terma-terma dan Syarat-syarat ini;
- (c) bahawa tiada tindakan undang-undang atau penyiasatan oleh mana-mana badan agensi kerajaan atau pihak berkuasa kawal selia lain atau mana-mana pihak lain yang sedang dilaksanakan atau menanti pelaksanaan terhadap Ahli Kad-i;
- (d) bahawa Ahli Kad-i tidak melanggar mana-mana peruntukan undang-undang, perintah mahkamah, keputusan hakim dan lain-lain;
- (e) bahawa tiada tindakan kebankrapan atau penggulungan syarikat yang masih tertangguh terhadap Ahli Kad-i ;
- (f) bahawa hak dan obligasi pihak-pihak di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini dikuatkuasakan dan ditakrifkan di bawah undang-undang Malaysia;
- (g) bahawa Pembiayaan Kad-i Bank Islam tidak digunakan untuk tujuan yang bertentangan dengan prinsip Syariah.
- (h) Bagi perkongsian, apa-apa arahan yang dikeluarkan berkaitan dengan pengendalian Pembiayaan Kad-i Bank Islam dan/atau Akaun Marginal Kad-i akan tetap boleh dikuatkuasakan sehingga ia dibatalkan secara bertulis tanpa mengambil kira apa-apa pindaan yang dibuat kepada perlombagaan atau firma nama dan/atau keahlian firma yang terjejas oleh kematian, muflis, dan/atau persaraan mana-mana rakan kongsi dan/atau kemasukan rakan kongsi baru.
- (i) Kebenaran dan ketepatan semua perkara yang dinyatakan dalam representasi dan jaminan di dalam perenggan sebelum perenggan ini merupakan asas bagi komitmen pihak Bank untuk menyediakan Pembiayaan Kad-i Bank Islam kepada Ahli Kad. Jika mana-mana representasi dan/atau jaminan sedemikian yang dibuat pada bila-bila masa selepas ini didapati tidak benar dalam sebarang perkara yang material, maka dalam keadaan tersebut dan walau apa pun yang dinyatakan sebaliknya dalam

**KAD KREDIT-i BANK ISLAM BISNES
TERMA DAN SYARAT
Bermula Disember 2020**



Terma-terma dan Syarat-syarat ini, pihak Bank berhak untuk menamatkan Pembiayaan Kad-i Bank Islam atau sebahagian daripadanya.

20. Kejadian-Kejadian Kemungkiran

Pihak Bank boleh menamatkan Pembiayaan Kad-i Bank Islam sekiranya berlaku mana-mana kejadian dan/atau keadaan berikut dengan memberi empat belas (14) hari notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad-i:-

- (a) jika Ahli Kad-i gagal, enggan dan/atau tidak menjelaskan Jumlah Minimum Perlu Dibayar yang dinyatakan dalam Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam buat dua (2) Tarikh Matang Bayaran berturut-turut;
- (b) jika sebarang prosiding, saman atau tindakan undang-undang dalam apa jua bentuk (sama ada jenayah atau sivil) diambil terhadap Ahli Kad-i;
- (c) jika Ahli Kad-i diisyiharkan muflis, digulungkan, dibubarkan, tidak mampu bayar atau prosiding kemuflisan/pengulungan syarikat difaikkan atau dilaksanakan terhadap Ahli Kad-i;
- (d) jika Ahli Kad-i (pemilik tunggal atau mana-mana rakan kongsi syarikat perkongsian) meninggal dunia atau menjadi tidak waras atau tidak siuman;
- (e) jika pelaksanaan distres, penahanan atau prosiding undang-undang lain dikenakan, dikuatkuasakan atau dikeluarkan terhadap semua atau mana-mana harta Ahli Kad-i dan prosiding tersebut tidak dilepaskan atau digantung;
- (f) jika selepas semakan kredit dibuat, pihak Bank berpendapat bahawa demi kepentingannya, pihak Bank tidak patut terus memberikan Pembiayaan Kad-i Bank Islam kepada Ahli Kad-i;
- (g) sekiranya satu kejadian atau siri kejadian sama ada yang berkaitan atau tidak (termasuk, tetapi tidak terhad kepada sebarang perubahan penting ketara dalam perniagaan, aset atau keadaan kewangan Ahli Kad-i) telah berlaku yang pada pendapat Pihak Bank mempunyai kesan muktamad dan mengikat (tanpa memberikan sebarang sebab atau bukti) yang boleh atau mungkin mempengaruhi atau menjelaskan keupayaan atau kesanggupan Ahli Kad-i untuk menunaikan atau mematuhi semua atau mana-mana obligasinya di dalam ini;
- (h) jika Pemegang Kad Sah menggunakan Kad-i melebihi jumlah Pembiayaan Kad-i Bank Islam;
- (i) jika Ahli Kad-i dan/atau Pemegang Kad Sah gagal mematuhi sebarang peruntukan yang ditetapkan di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini;
- (j) jika Ahli Kad-i dan/atau Pemegang Kad Sah melanggar atau mengancam untuk melanggar mana-mana terma dan syarat, ketetapan atau perjanjian yang terkandung di dalam ini sama ada secara tersurat atau tersirat dalam apa jua cara sekalipun;
- (k) jika Ahli Kad-i gagal membayar atau mengancam untuk tidak membayar sebarang tanggungannya di bawah kontrak dengan mana-mana pihak lain termasuk pihak Bank, berkaitan dengan pinjaman/pembiayaannya;

**KAD KREDIT-i BANK ISLAM BISNES
TERMA DAN SYARAT
Bermula Disember 2020**



- (l) jika kedudukan Ahli Kad-i tidak diketahui oleh pihak Bank atau jika Ahli Kad-i tidak dapat dikesan, dihubungi atau dicari;
- (m) jika Ahli Kad-i membuat penyerahan hak bagi manfaat pembiayaan Ahli Kad-i atau membuat atau cuba membuat pengaturan atau pembahagian demi manfaat pembiayaan atau tidak mematuhi mana-mana keputusan mahkamah untuk tempoh empat belas (14) hari atau lebih;
- (n) jika Terma-terma dan Syarat-syarat ini dicabar kesahihannya oleh Ahli Kad-i atau mana-mana pihak lain;
- (o) jika pada pendapat pihak Bank Ahli Kad-i tidak menyenggara dengan cara yang memuaskan, mana-mana akaun dengan pihak Bank atau mana-mana cawangannya atau mana-mana entiti yang berkaitan dengan pihak Bank;
- (p) jika Ahli Kad-i enggan atau gagal mendedahkan sebarang maklumat atau memberikan sebarang bukti berdokumen yang pada pendapat Bank (dianggap muktamad dan mengikat) diperlukan oleh pihak Bank untuk menentukan kedudukan kewangan Ahli Kad-i;
- (q) jika Kad-i berulang kali dilaporkan hilang atau rosak;
- (r) jika terdapat kejadian, yang pada pendapat pihak Bank (dianggap muktamad dan mengikat) boleh dipersoalkan atau tidak boleh dijelaskan atau transaksi menyalahi undang-undang yang membabitkan penggunaan Kad-i;
- (s) jika tindakan Bank untuk terus menawarkan penggunaan Kad-i atau Pembiayaan Kad-i Bank Islam kepada Ahli Kad-i melanggar mana-mana undang-undang, peraturan, arahan kerajaan atau keperluan perundangan yang berkenaan;
- (t) jika Ahli Kad-i dan/atau Pemegang Kad Sah cuai dalam menjaga dan mengawal Kad-i atau PIN, atau jika pada pendapat Bank (yang dianggap muktamad dan mengikat), Ahli Kad-i dan/atau Pemegang Kad Sah telah membenarkan atau membolehkan penyalahgunaan dan penipuan dilakukan berkaitan dengan atau berhubung dengan Kad-i menerusi sebarang tindakan, kegagalan melakukan sesuatu atau menerusi sebarang cara lain; atau
- (u) jika Ahli Kad-i menamatkan penggunaan Kad-i menurut Terma-terma dan Syarat-syarat ini, Pihak Bank berhak:-
 - (i) menamatkan Pembiayaan Kad-i Bank Islam ini, maka Harga Jualan Bank atau mana-mana bahagiannya yang belum dibayar akan menjadi matang dan perlu dibayar balik kepada pihak Bank, dan untuk membatalkan atau menarik balik Kad-i; atau
 - (ii) menggantung atau menghadkan penggunaan Kad-i oleh Pemegang Kad Sah di bawah Akaun Marginal Kad-i; atau
 - (iii) tidak memperbaharui atau menggantikan Kad-i apabila tamat tempohnya di mana Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan ditamatkan dan Harga Jualan Bank atau mana-mana bahagiannya yang belum dibayar seterusnya menjadi matang dan perlu dibayar kepada pihak Bank.

**KAD KREDIT-i BANK ISLAM BISNES
TERMA DAN SYARAT
Bermula Disember 2020**



21. Pembayaran Segera

Pihak Bank hendaklah mempunyai budi bicara mutlak untuk menuntut pembayaran segera sebahagian atau penyelesaian penuh kemudahan pembiayaan atau baki Harga Jualan Bank dengan menggunakan jumlah yang masih berbaki di dalam Akaun Marginal Kad-i di dalam tempoh pembiayaan atau selepas tempoh matang sekiranya:-

- (a) terdapat apa-apa keadaan yang boleh membatalkan apa-apa representasi yang diberikan oleh Ahli Kad-i;
- (b) jika apa-apa representasi atau jaminan yang diberikan atau dianggap diberikan oleh Ahli Kad-i dibuktikan tidak benar atau mengelirukan dalam apa jua perkara atau pada tarikh ianya dibuktikan atau dianggap dibuktikan atau sekiranya ianya berulang pada bila-bila masa dengan merujuk kepada fakta dan keadaan-keadaan yang wujud pada masa tersebut adalah tidak tepat dalam setiap keadaan;
- (c) jika terdapat sebarang pelanggaran terhadap terma-terma dan syarat-syarat Pembiayaan Kad-i Bank Islam ini; atau
- (d) terdapat apa-apa keadaan lain yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya secara mutlak.

22. Hak Untuk Penggabungan dan Tolakan

Selepas berlakunya kegagalan membayar, dan setelah memberikan notis tidak kurang tujuh (7) hari kepada Ahli Kad-i, pihak Bank boleh menggabungkan, menyatukan atau mencantumkan semua atau mana-mana akaun Ahli Kad-i, sama ada akaun semasa, pelaburan atau akaun lain, dengan liabiliti terhadap Bank dan pihak Bank boleh membuat tolakan atau memindahkan sebarang jumlah yang ada di bahagian kredit akaun tersebut untuk menjelaskan mana-mana liabiliti Ahli Kad-i kepada Bank.

23. Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam

- (a) Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam untuk Akaun Marginal Kad-i akan dihantar kepada Ahli Kad-i secara bulanan, tanpa caj, pada tarikh yang ditentukan oleh pihak Bank, dan dengan ini dirujuk sebagai Tarikh Penyata.
- (b) Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam yang menyatakan amaun yang perlu dibayar oleh Ahli Kad-i di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak Bank hendaklah sekiranya tiada kesilapan ketara, menjadi bukti muktamad suatu amaun yang sebenarnya perlu dibayar oleh Ahli Kad-i.
- (c) Semua rekod dan catatan di dalam penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam akan dianggap benar, betul dan mengikat Ahli Kad-i melainkan Ahli Kad-i memaklumkan Bank secara bertulis tentang kesilapan, percanggahan, dan/atau transaksi tanpa kebenaran (jika ada) dalam Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam tidak lewat daripada empat belas (14) hari dari Tarikh Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam.

**KAD KREDIT-i BANK ISLAM BISNES
TERMA DAN SYARAT
Bermula Disember 2020**



24. Kerugian

- (a) Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Ahli Kad-i dalam kontrak atau tort atau selainnya bagi apa-apa kerugian, kos, liabiliti atau perbelanjaan yang secara langsung atau tidak langsung (termasuk, tanpa had, kehilangan keuntungan, kehilangan simpanan atau kehilangan nama baik) kecuali disebabkan oleh salah laku, kecuaian atau pelanggaran syarat-syarat oleh Bank. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab berhubung dengan apa-apa keingkaran, kecuaian atau penipuan daripada Penjual Komoditi, Pembeli Komoditi atau mana-mana orang, firma atau syarikat dengan siapa transaksi yang dilaksanakan seperti di dalam Klausa 6 (Bayaran Harga Jualan) untuk akaun Ahli Kad-i.
- (b) Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan Ahli Kad-i untuk melakukan tanggungjawab dan obligasi yang tepat dan sewajarnya di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
- (c) Ahli Kad-i hendaklah memastikan Bank terhindar daripada dan terhadap apa-apa kerugian, kos (termasuk apa-apa kos penguatkuasaan), liabiliti (termasuk apa-apa liabiliti cukai), tuntutan, permintaan atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Bank dalam melaksanakan tanggungjawabnya yang sah dan wajar di bawah Perjanjian ini, melaikkan jika apa-apa kerugian, kos, liabiliti, tuntutan, permintaan atau ganti rugi yang timbul secara langsung oleh sebab apa-apa salah laku, kecuaian atau pelanggaran syarat-syarat di pihak Bank.

25. Penepian Hak

Sebarang kelonggaran, pengecualian penguatkuasaan, lanjutan masa, kegagalan atau kelewatan pihak Bank untuk mengambil tindakan atau kegagalan untuk melaksanakan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedи yang ada pada pihak Bank di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini, atau sebarang cagaran yang memihak pihak Bank apabila berlaku kegagalan pembayaran oleh Ahli Kad-i, tidak akan menjelaskan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedи atau tidak dianggap sebagai penepian atau sebagai persetujuan Bank terhadap mana-mana kegagalan pembayaran dan tidak akan mempengaruhi atau menjelaskan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedи Bank berhubung dengan sebarang kegagalan pembayaran lain atau seterusnya, dan mana-mana satu usaha atau sebahagian daripada usaha untuk melaksanakan mana-mana hak atau remedи tidak akan menghalang sebarang pelaksanaan hak atau remedи selanjutnya atau pelaksanaan hak atau remedи lain. Hak dan remedи yang diberikan di dalam ini adalah terkumpul dan tidak menepikan sebarang hak atau remedи lain yang diberi di bawah undang-undang.

26. Masa

Masa di mana sahaja disebutkan adalah penting di dalam konteks Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

27. Kata Mula dan Jadual

Kata Mula dan Jadual yang terkandung di dalam ini hendaklah dibaca dan ditakrifkan sebagai sebahagian penting daripada Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

**KAD KREDIT-i BANK ISLAM BISNES
TERMA DAN SYARAT
Bermula Disember 2020**



28. Pembayaran

a) **Bayaran Minimum**

Bayaran Minimum merujuk kepada jumlah minimum seperti berikut:

$[(\text{Jumlah Baki Semasa}) \times 5\%]$ atau RM50, yang mana lebih tinggi + Bayaran Minimum Tertunggak

Nota:

- **Jumlah Baki Semasa-** adalah jumlah baki penyata yang belum dibayar pada tarikh pemprosesan penyata
- **Bayaran Minimum Tertunggak-** adalah jumlah bayaran minimum bulan sebelumnya yang masih belum dilunaskan

b) **Kegagalan Pembayaran**

Ahli Kad-i dinasihatkan untuk membuat pembayaran segera bagi setiap tempoh pembayaran. Sekiranya Ahli Kad-i hanya membuat Bayaran Minimum, Ahli Kad-i mungkin dikenakan lebih banyak caj keuntungan dan ia akan mengambil masa yang lebih lama untuk melunaskan baki.

Sekiranya Ahli Kad-i membuat bayaran dengan jumlah yang lebih rendah daripada bayaran minimum yang perlu dibayar atau tidak membuat sebarang pembayaran, pihak Bank mempunyai hak untuk menguatkuaikan remedii dan/atau hak pihak Bank sebagaimana yang dinyatakan di dalam Klausus 14 (Penggantungan, Pembatalan atau Penamatian) dan Klausus 20 (Kejadian-kejadian Kemungkiran).

Sekiranya berlaku kegagalan pembayaran, Ahli Kad-i juga perlu untuk menanggung yuran dan/atau caj tambahan termasuk tetapi tidak terhad kepada bayaran lewat, caj keuntungan yang lebih tinggi dan yuran guaman (jika ada).

c) **Pembayaran Penuh**

Jika ada apa-apa yang bertentangan yang terkandung di dalam ini, adalah dengan ini dipersetujui bahawa atas memenuhi tuntutan pembayaran atau selain dari sebarang keberhutangan, semua peruntukan yang terkandung di dalam ini akan terhenti daripada apa-apa kesan tanpa menjelaskan hak dan remedii pihak Bank terhadap Ahli Kad-i berkenaan dengan apa-apa tuntutan atau pelanggaran.

29. Penyusunan Semula Pihak Bank dan Ahli Kad-i

Sekuriti, hak, liabiliti, obligasi yang diwujudkan oleh Terma-terma dan Syarat-syarat ini hendaklah terus dianggap sah dan mengikat untuk semua tujuan walaupun berlaku perubahan menerusi penggabungan, penyusunan semula atau cara lain yang mungkin dibuat terhadap perlembagaan pihak Bank dan dengan cara yang sama liabiliti dan/atau obligasi yang diwujudkan oleh Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan terus dianggap sah dan mengikat untuk semua tujuan walaupun terdapat perubahan menerusi penggabungan, penyusunan semula atau cara lain dalam perlembagaan Ahli Kad-i dan adalah dengan ini dinyatakan secara tersurat bahawa tiada perubahan sekalipun yang dibuat berkaitan dengan atau yang mempengaruhi Ahli Kad-i akan mempengaruhi sekuriti, liabiliti dan/atau obligasi yang diwujudkan di bawah ini berkaitan dengan apa jua bentuk transaksi sama ada masa lalu, masa kini atau masa depan.

**KAD KREDIT-i BANK ISLAM BISNES
TERMA DAN SYARAT
Bermula Disember 2020**



30. Lanjutan Masa

Liabiliti dan obligasi Ahli Kad-i tidak akan terjejas atau dilepaskan atas sebab sebarang pengecualian penguatkuasaan atau lanjutan masa lain yang diberikan oleh atau dengan kebenaran pihak Bank kepada Ahli Kad-i, kepada mana-mana orang yang bertanggungjawab atau mungkin menanggung liabiliti dalam apa jua cara untuk membayar sebarang wang yang dicagarkan di dalam ini atau menerusi sebarang cagaran lain untuk pihak Bank atau atas sebab perjanjian yang dibuat atau pembahagian yang diterima oleh pihak Bank yang mengubah pelaksanaan undang-undang atau yang mengubah hak dan remedii pihak Bank di bawah peruntukan Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

31. Perubahan Terma-terma dan Syarat-syarat

Pihak Bank berhak mengubah atau meminda terma-terma dan/atau syarat-syarat ini tertakluk kepada peraturan - peraturan dan prinsip - prinsip Syariah dengan memberi notis 21 hari secara bertulis kepada Ahli Kad dan pindaan dan perubahan yang dibuat hendaklah mempunyai kesan yang sama seperti yang dirujuk sebelum ini dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan tidak ada apa yang terkandung dalam ini boleh ditafsirkan sebagai melarang atau menyekat atau menjelaskan hak pihak Bank dalam ini untuk mengubah atau meminda terma dan/atau syarat tanpa keperluan untuk mendapatkan persetujuan atau pengesahan Ahli Kad.

32. Salinan Dokumen

Terma-terma dan Syarat-syarat ini boleh ditandatangani dalam sebarang jumlah salinan, di mana setiap satu apabila dilaksanakan dan disampaikan, hendaklah dianggap sebagai dokumen asal, tetapi semua salinan hendaklah secara bersama mewakili satu instrumen tunggal dan sama.

33. Penyerahan Manfaat, Pengganti, dll.

Terma-terma dan Syarat-syarat ini hendaklah mengikat dan berkuatkuasa ke atas pihak Bank dan Ahli Kad-i dan pengganti hak milik dan penerima serah hak masing-masing, kecuali Ahli Kad-i tidak boleh menyerahkan hak atau obligasinya di bawah ini atau sebarang kepentingan di dalam ini tanpa kebenaran bertulis pihak Bank terlebih dahulu, namun begitu Ahli Kad-i tetap menanggung liabiliti bagi semua obligasinya di bawah ini sekiranya berlaku kegagalan mendedahkan fakta material berkaitan dengan penyerahan hak Ahli Kad-i, yang sekiranya didebakkan akan mempengaruhi keputusan pihak Bank untuk bersetuju dengan penyerahan hak tersebut. Semua aku janji, perjanjian, representasi dan jaminan yang diberikan, dibuat atau dimeterai oleh Ahli Kad-i di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini hendaklah terus kekal dalam sebarang penyerahan hak yang dilaksanakan di bawahnya.

34. Tajuk

Tajuk kepada Perkara dan Klausu di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini adalah untuk kemudahan rujukan sahaja dan tidak menjelaskan pentafsiran dan maksud kandungan Perkara dan Klausu tersebut.

35. Kerahsiaan

Tertakluk kepada Klausu 7 (Penerimaan Pembiayaan Kad-i Bank Islam), kandungan Klausu ini dan urusniaga yang dinyatakan di dalam Klausu 8 (Penggunaan Kad-i) hendaklah dirahsiakan oleh pihak-pihak untuk tempoh Perjanjian ini dan selepas itu hendaklah tamat melainkan untuk apa-apa perkara yang menjadi suatu perkara yang diketahui umum bukan melalui salah satu pihak dan seperti yang dikehendaki oleh perintah mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berwibawa atau mana-mana pihak berkuasa pentadbiran yang cekap.

**KAD KREDIT-i BANK ISLAM BISNES
TERMA DAN SYARAT
Bermula Disember 2020**



36. Tugasan

Pihak Bank boleh menyerah hak atau memindahkan hak, faedah atau obligasi di dalam Pembiayaan Kad-i Bank Islam ini kepada mana-mana syarikat dalam kumpulan syarikat yang mana ia adalah ahli, atau mana-mana gabungannya tanpa mendapat izin daripada Ahli Kad-i, dan kos tentangnya, jika ada, hendaklah ditanggung oleh Ahli Kad-i.

37. Undang-Undang

Terma-terma dan Syarat-syarat ini hendaklah dikuatkuasakan dan ditakrifkan dalam segala hal menurut undang-undang Malaysia.

38. Perbelanjaan yang Ditanggung oleh pihak Bank untuk dan bagi pihak Ahli Kad-i

Semua wang yang dibelanjakan oleh pihak Bank di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini dari masa ke masa untuk dan bagi pihak Ahli Kad-i dan untuk akaunnya hendaklah dipulihkan semula daripada Ahli Kad-i dan hendaklah dibayar balik apabila diminta oleh pihak Bank.

39. Pendedahan Maklumat

- (a) Bank tidak akan mendedahkan data peribadi Ahli Kad-i dan/atau Penandatangan Sah dan/atau Pemegang Kad Sah termasuk alamat, nombor telefon atau alamat e-mel kepada mana-mana pihak luar yang lain daripada pihak yang disenaraikan di bawah ("Pihak-Pihak Dibenarkan") selain daripada untuk tujuan yang berkaitan dengan pengendalian akaun Ahli Kad-i, melainkan jika pihak Bank mendapat kebenaran daripada Ahli Kad-i dan/atau Penandatangan Sah dan/atau Pemegang Kad Sah, atau terletak di bawah tanggungjawab undang-undang atau apa-apa kewajipan lain untuk berbuat demikian:-
- (i) mana-mana pegawai, pekerja, ejen atau pengarah Kumpulan Bank Islam yang merangkumi syarikat induk Bank, anak-anak syarikat, syarikat-syarikat berkaitan, sekutu, wakil dan pejabat cawangan;
 - (ii) pihak ketiga yang berkenaan seperti penasihat profesional, rakan perniagaan strategik dan pakatan, penyedia perkhidmatan, syarikat insurans/pengendali Takaful atau insurans/broker Takaful, peniaga, pembekal, rakan niaga dan ejen perniagaan yang menyokong aktiviti operasi Bank dan yang berada di bawah kewajipan undang-undang untuk kerahsiaan data Ahli Kad-i;
 - (iii) mana-mana peserta sebenar atau berpotensi atau pemegang serah hak, novatee atau penerima pindahan hak-hak dan/atau kewajipan Bank di bawah apa-apa transaksi antara pihak Bank dan Ahli Kad-i (atau mana-mana ejen atau penasihat profesional);
 - (iv) mana-mana agensi penarafan atau pembekal langsung/tidak langsung perlindungan kredit kepada Bank;
 - (v) mana-mana pihak seperti yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang atau mana-mana kerajaan, separa kerajaan, pentadbiran, badan/penyeliaan kawal selia atau pihak berkuasa, mahkamah atau tribunal;
 - (vi) mana-mana agensi rujukan kredit yang digunakan oleh pihak Bank bagi penilaian kredit atau kajian semula kredit Ahli Kad-i dan pihak-pihak yang berkaitan dengan kemudahan yang disediakan oleh pihak Bank kepada Ahli Kad-i;

**KAD KREDIT-i BANK ISLAM BISNES
TERMA DAN SYARAT
Bermula Disember 2020**



-
- (vii) apa-apa agensi rujukan jenayah kewangan, institusi kewangan yang lain dan mana-mana ejen masing-masing;
- (viii) mana-mana penjamin atau penyedia cagaran untuk kemudahan Ahli Kad-i.
- (b) Ahli Kad-i dan/atau Penandatangan Sah dan/atau Pemegang Kad Sah dengan ini secara nyata bersetuju pendedahan tersebut dan dengan ini mengesahkan dan mengisyiharkan bahawa terma-terma yang terkandung di dalamnya hendaklah tertakluk kepada Kenyataan Privasi yang berkaitan dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang ditandatangani dengan pihak Bank dan sekiranya berlaku apa-apa percanggahan di antara terma-terma yang terkandung di sini dengan terma-terma yang dinyatakan dalam Kenyataan Privasi, terma-terma dan syarat-syarat di dalam Kenyataan Privasi akan diguna pakai.

40. Anti Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan

Untuk mematuhi undang-undang tempatan atau luar negara, peraturan, kod sukarela, arahan, penghakiman atau perintah mahkamah, dan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia atau agensi penguatkuasaan, dasar, amalan yang baik, sekatan atau embargo kerajaan, keperluan laporan di bawah undang-undang dan permintaan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia, tribunal, agensi penguat kuasa, badan pertukaran, pihak Bank boleh:

- (a) melarang untuk memasuki atau menyelesaikan transaksi yang melibatkan individu atau entiti tertentu (contohnya individu atau entiti yang dipersetujui atau dihubungkan dengan atau berurusan dengan (secara langsung atau tidak langsung) mana-mana individu atau entiti yang dikenakan di bawah sekatan ekonomi dan perdagangan yang dikenakan oleh mana-mana pengawal selia di bawah mana-mana bidang kuasa).
- (b) melaporkan transaksi yang mencurigakan atau potensi pelanggaran sekatan kepada pihak berkuasa di mana-mana bidang kuasa di mana pihak Bank mungkin perlu memutuskan untuk mendedahkan. Transaksi yang terlibat termasuk yang mungkin:
- i) melibatkan penyediaan kewangan kepada mana-mana orang yang terlibat atau disyaki terlibat dalam keganasan atau apa-apa tindakan pengganas;
 - ii) mempunyai kaitan yang relevan berkaitan dengan siasatan terhadap suatu undang-undang percukaian atau percubaan yang sebenarnya, penyiasatan atau pendakwaan terhadap seseorang untuk suatu kesalahan terhadap undang-undang yang berlaku; atau
 - iii) melibatkan orang atau entiti yang mungkin menjadi subjek sekatan.
- (c) memintas dan menyiasat apa-apa mesej pembayaran dan maklumat lengkap atau komunikasi lain yang dihantar kepada atau oleh Ahli Kad-i atau bagi pihak Ahli Kad-i dan boleh melambatkan, menyekat atau enggan membuat apa-apa bayaran dan pemeriksaan pembayaran boleh menyebabkan kelewatan memproses maklumat tertentu.
- (d) mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu, yang merangkumi pembekuan dana, menghalang operasi akaun, menolak permintaan dana dari Ahli Kad-i, tidak memberangkan Ahli Kad-i menggunakan produk, atau melambatkan atau

**KAD KREDIT-i BANK ISLAM BISNES
TERMA DAN SYARAT
Bermula Disember 2020**



membatalkan transaksi. Pihak Bank tidak perlu memberitahu Ahli Kad-i sehingga masa yang munasabah selepas dibenarkan untuk berbuat demikian di bawah undang-undang atau dasar tersebut. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang timbul daripada apa-apa tindakan yang diambil atau apa-apa kelewatan atau kegagalan oleh pihak Bank, dalam melaksanakan apa-apa kewajipan atau kewajipan lain, yang disebabkan secara keseluruhan atau sebahagiannya dengan apa-apa langkah yang diambil seperti yang dinyatakan di atas.

- (e) tidak menerima apa-apa deposit daripada apa-apa wang atau cek dan/atau membentarkan atau menjalankan apa-apa transaksi lain termasuk pengeluaran wang berkenaan dengan akaun pelanggan termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa pemindahan dan pemindahan telegraf wang dari atau ke akaun pelanggan jika pihak Bank mempunyai sebab untuk menerima atau dimaklumkan oleh pihak ketiga atau pihak berkuasa yang berkaitan bahawa akaun pelanggan digunakan atau terlibat dalam penipuan, potensi penipuan, jenayah kewangan, aktiviti haram, permintaan skim pelaburan kewangan haram, pengubahan wang haram atau pembiayaan aktiviti-aktiviti keganasan. Pihak Bank juga hendaklah (tertakluk kepada tahap yang dibenarkan oleh undang-undang), berhak untuk menutup, membekukan atau sebaliknya berurusan dengan akaun seperti mana yang diperlukan.

41. Perubahan Keadaan

Jika terdapat sebarang perubahan dalam undang-undang, peraturan atau keperluan peraturan yang berkuatkuasa atau dalam pentafsiran atau penggunaannya atau jika pematuhan pihak Bank kepada sebarang arahan, permintaan atau keperluan berkaitan (sama ada mempunyai kuasa di bawah undang-undang atau tidak) daripada mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau pihak berkuasa lain menyebabkan pihak Bank mengalami sebarang keadaan, beban atau obligasi yang pada pendapat mutlak pihak Bank, menjadikan penyediaan atau penyenggaraan Pembiayaan Kad-i Bank Islam tidak memihak kepada pihak Bank, maka dengan notis daripada pihak Bank, Pembiayaan Kad-i Bank Islam akan dianggap sebagai batal di mana Ahli Kad-i hendaklah membayar pihak Bank jumlah terhutang tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan notis tersebut oleh Ahli Kad-i.

42. Ketaksahan Sebarang Peruntukan

Sebarang peruntukan Terma-terma dan Syarat-syarat ini yang tidak sah, tidak boleh dikuatkuasakan atau dilarang tidak akan menjelaskan kesahihan atau keupayaan menguatkuasakan peruntukan lain dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

43. Perkara Di Luar Kawalan

Walau apa pun peruntukan Terma-terma dan Syarat-syarat ini, pihak Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan di pihak Bank untuk melaksanakan apa-apa obligasi di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan atau kegagalan bertindak mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau tempatan atau sebarang mogok, pemulauan, sekatan atau bencana alam, gangguan awam atau sebab di luar kawalan pihak Bank.

44. Ta'widh (Pampasan)

Ta'widh (Pampasan) akan di caj pada hari kelima (5) selepas Tarikh Matang Bayaran, sekiranya Ahli Kad-i gagal untuk membayar bayaran bulanan minimum. Adalah dengan ini dipersetujui bahawa Ahli Kad-i hendaklah membayar kepada pihak Bank, melalui Ta'widh (Pampasan), bayaran fi sebanyak 1% daripada jumlah terhutang berbaki atau RM5.00 mana-mana lebih tinggi, tertakluk kepada had maksima sebanyak RM50.00.

**KAD KREDIT-i BANK ISLAM BISNES
TERMA DAN SYARAT
Bermula Disember 2020**



45. Penyerahan Notis, Proses Perundangan dll

- (a) Sebarang permintaan, notis atau proses undang-undang yang diperlukan atau dibenarkan untuk diberikan atau dibuat di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini yang dikemukakan kepada pihak Bank atau Ahli Kad-i hendaklah dibuat secara bertulis dan bagi pihak Bank, hendaklah ditandatangani oleh mana-mana Pengurus atau pegawai sah Bank atau peguam cara atau firma peguam cara yang mewakili pihak Bank.
- (b) Sebarang permintaan, notis atau proses undang-undang sedemikian hendaklah dianggap diberikan atau dibuat dengan sewajarnya jika dihantar ke alamat pihak di dalam ini dan dianggap telah diserahkan dan diterima dengan sewajarnya oleh pihak yang satu lagi selepas tamatnya tempoh lima (5) hari dari tarikh ia dipos atau dihantar dengan tangan atau dihantar menerusi khidmat kiriman cepat kepada pihak yang satu lagi, yang perlu dikemukakan kepada peguam caranya, pada hari ia diserahkan.
- (c) Perubahan alamat Ahli Kad-i, tidak kira bagaimana ia dibuat, tidak akan dianggap berkesan atau mengikat pihak Bank melainkan Ahli Kad-i telah memberi pihak Bank notis sebenar secara bertulis tentang perubahan alamat dan tiada perkara yang dilakukan yang bergantung kepada peruntukan ini akan dipengaruhi atau terjejas oleh sebarang perubahan alamat selanjutnya Ahli Kad-i di mana pihak Bank tidak mengetahui tentangnya pada masa tindakan atau perkara tersebut dilakukan atau dilaksanakan.

46. Kebenaran untuk Mendebit Akaun

Pelanggan bersetuju bahawa pihak Bank mempunyai hak untuk mendebit akaun semasa/ simpanan atau mana-mana akaun pelanggan di Bank (termasuk mencairkan akaun yang memberi kesan kepada penebusan pramatang) untuk pembayaran keuntungan dan/atau prinsipal yang perlu dibayar kepada pihak bank, sumbangan takaful, fi, caj dan mana-mana bayaran yang perlu dibayar di bawah kemudahan ini, sepertimana yang dinyatakan di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat, Lembaran Pendedahan Produk, laman sesawang korporat Bank Islam dan/atau mana-mana medium komunikasi yang dikirakan sesuai oleh pihak Bank dari masa ke semasa.

47. Hak untuk Menyerahkan Tugas Kutipan Hutang dan Menjual Pembiayaan Tidak Berbayar (NPF)

Ahli Kad-i dengan ini bersetuju bahawa pihak Bank berhak untuk menyerahkan tugas kutipan hutang atau menjual atau memindahkan pembiayaan tidak berbayar (NPF) kepada mana-mana agensi, syarikat, institusi kewangan yang berlesen atau pihak ketiga yang dibenarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan mengikut budi bicara pihak Bank dengan notis kepada Ahli Kad-i.

48. Lain-lain

- (a) Walaupapun yang dinyatakan disini, sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara penyataan/perakuan bertulis dan penyataan/perakuan secara lisan, maka, penyataan/perakuan bertulis hendaklah terpakai.
- (b) Ahli Kad-i hendaklah memaklumkan kepada pihak Bank dengan segera untuk sebarang perubahan atau kemas kini yang berkaitan dengan maklumat Ahli Kad-i seperti nombor telefon dan alamat surat-menjurat.

**KAD KREDIT-i BANK ISLAM BISNES
TERMA DAN SYARAT
Bermula Disember 2020**



- (c) Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi pihak Bank di:

Pusat Kad Bank Islam
Bank Islam Malaysia Berhad
Aras 24, Menara Bank Islam
No 22, Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur
Tel: 03-2726 7666
Fax: 03-2726 7606
E-mail: bicc.customer.service@bankislam.com.my
Laman Web: www.bankislam.com.my

- (d) Untuk sebarang aduan terhadap produk atau perkhidmatan yang disediakan, sila hubungi pihak Bank di:

Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan
Bank Islam Malaysia Berhad
Aras 17, Menara Bank Islam
No 22, Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur
Tel: 03-2690 0900
Fax: 03-2782 1337
E-mail: contactcenter@bankislam.com.my or customercare@bankislam.com.my

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]